

'Nak buat demonstrasi silakan' - Johari

13TUSAN ONLINE | 25 September 2019 4:03 PM

KUALA LUMPUR 25 Sept. - Ahli Parlimen Sungai Petani, Datuk Johari Abdul tidak menghalang pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan isu alam sekitar mengadakan demonstrasi di sebuah kilang di Sungai Petani, Kedah baru-baru ini.



Johari Abdul

Beliau malah berkata, tindakan itu adalah bertepatan dengan prinsip kebebasan yang diamalkan di negara ini dan sekurang-kurangnya ia menjadi petanda ketidakpuasan hati sesetengah pihak.

"Jadi, orang yang bertanggungjawab seperti ahli majlis, exco berkaitan atau menteri sendiri sebab antara bantahan mereka kononnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan membenarkan balik industri ini (syarikat sisa plastik) wujud dan diteruskan.

"Saya halakan isu ini kepada KPKT, kalau betul jawablah. Kementerian tidak sepatutnya membuka balik keputusan yang sudah dibuat supaya tidak benarkan kilang ini dibuka. Malah, apa juga yang berlaku di Sungai Petani atau tempat lain, kelulusan bukan diberikan oleh ahli Parlimen tetapi datang daripada kerajaan tempatan, ini bermakna kerajaan negeri melalui exco bertanggungjawab yang melaksanakan apa sahaja keputusan yang dibuat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Seminar Kemiskinan dan Kesenjangan di Malaysia: Melihat Kembali Takrifan dan Pelaksanaan di Bangunan Parlimen.

Presiden Persatuan Tindakan Alam Sekitar Sungai Petani (PTAS), Lydia Ong bersama 200 penduduk sekitar kawasan itu baru-baru ini, mengadakan protes menuntut Kerajaan Negeri Kedah mengambil tindakan segera bagi membanteras kewujudan kilang yang beroperasi secara haram.